

PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD (No.12557-W)

A Member Of The Pacific & Orient Group

Website: www.pacific-orient.com



HEAD OFFICE
JOHOR BAHRU
MELAKA
IPOH
PENANG
KUCHING
KUANTAN
KOTA KINABALU

11th Floor Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, P.O.Box 10953, 50730 Kuala Lumpur, Malaysia
Suite 905, 9th Floor, Johor Tower, No.15 Jalan Gereja, 80100, Johor Bahru, Johor, Malaysia
No.2, Jalan PM7, Plaza Mahkota, Bandar Hilir, 75000 Melaka, Malaysia
75, Jalan Raja Ekram, 30450 Ipoh, Perak, Malaysia
66, Jalan Zainal Abidin, 10400 Georgetown, Pulau Pinang, Malaysia
Lot 262, 1st Floor, Jalan Haji Taha, 93400 Kuching, Sarawak, Malaysia
B-62, Lorong Tun Ismail 8, Sri Dagangan 2, Jalan Tun Ismail, 25000 Kuantan, Pahang, Malaysia
Unit 10-1, (Lot 12) Block B, Inanam Business Centre, 88450 Inanam, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 03-2698 5033
Tel: 07-2222 537
Tel: 06-2848 298
Tel: 05-2550 370
Tel: 04-2278 355
Tel: 082-239 019
Tel: 09-5146 332
Tel: 088-389 927



BUSINESS CENTRES

Sungai Besi
Sungai Petani

165-3-1, Wisma Mutiara, Jalan Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur, Malaysia.
85 Jalan 1A 1st & 2nd Floor, Pusat Perniagaan Pekan Lama, 08000 Sungai Petani, Kedah, Malaysia

Tel: 03-9223 0646
Tel: 04-423 1425

WEBSITE

www.pacific-orient.com

TOLL FREE NO 1 800 88 2121

PA 10 PLUS INSURANCE POLICY / POLISI INSURANS PA 10 PLUS



NOTICE / PEMBERITAHUAN

For all intents and purposes where there is a conflict or ambiguity as to the meaning in the Bahasa Malaysia provisions of any part of the contract, it is hereby agreed that the English version of the Contract shall prevail.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

WHEREAS the Policyholder named in the Schedule and following the occupation stated in the Schedule is desirous of insuring in the manner hereinafter mentioned and has made a Proposal which shall form the basis of this Insurance and has paid to **PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD**, (hereinafter called the "Insurance" and the "Company" respectively) the Premium as consideration for the Insurance stated herein.

BAHAWASANYA Pemegang Polisi yang dinamakan dalam Jadual dan yang menjalankan pekerjaan yang dinyatakan dalam Jadual, ingin mendapatkan perlindungan insurans dalam cara yang disebutkan seterusnya dan telah membuat satu Cadangan yang merupakan asas bagi Insurans ini dan telah membayar premium kepada PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD, (masing-masing seterusnya dirujuk sebagai "Insurans" dan "Syarikat") sebagai pertimbangan untuk Insurans yang dinyatakan di dalam ini.

NOW THIS POLICY WITNESSETH that if during the Period of Insurance the Insured Person stated in the Schedule shall sustain bodily injury caused by violent accidental external and visible means which injury shall solely and independently of any other cause result in the Insured Person's death or disablement or necessitate medical treatment as provided. The Company will subject to the terms exclusions and conditions of and endorsed on this Policy pay the Sum Insured specified in the Schedule of Benefits.

MAKA POLISI INI MEMPERAKUI bahawa jika dalam Tempoh Insurans, Orang Yang Diinsuranskan yang dinyatakan dalam jadual mengalami kecederaan badan disebabkan oleh kejadian kemalangan luar yang berat dan ketara dan yang semata-mata dan tanpa sebarang sebab lain mengakibatkan kematian atau kehilangan upaya Orang Yang Diinsuranskan atau yang memerlukan rawatan perubatan seperti yang diperuntukkan, Syarikat akan membayar Jumlah Yang Diinsuranskan yang ditetapkan dalam Jadual Faedah, tertakluk kepada peraturan-peraturan, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat Polisi ini dan yang diendokors kepadanya.

Consumer Insurance Contracts / Kontrak Insurans Pengguna

This Policy is issued in consideration of the payment of premium as specified in the Policy Schedule and pursuant to the answers given in Your Proposal Form (or when you applied for this insurance) and any other disclosures made by you between the time of submission of your Proposal Form (or when you applied for this insurance) and the time this contract is entered into. The answers and any other disclosures given by you shall form part of this contract of insurance between you and us. However, in the event of any pre-contractual misrepresentation made in relation to your answers or in any disclosures given by you, only the remedies in Schedule 9 of the Financial Services Act 2013 will apply.

This Policy reflects the terms and conditions of the contract of insurance as agreed between you and us.

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara anda dan pihak kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh anda, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara anda dan pihak kami.

(A) DEFINITION / PENTAFSIRAN

- ACCIDENT / KEMALANGAN**
 - an event of violent, accidental external and visible nature that is unforeseen or unexpected which shall independently of any other cause be the sole cause of bodily injury.
kejadian kemalangan luar yang berat dan ketara yang berlaku secara mengejut dan tidak diduga yang semata-mata dan tanpa sebarang sebab lain mengakibatkan kecederaan badan.
- COMATOSE / KOMA**
 - a state of continuous unconsciousness for a period of (365) three hundred and sixty five days where the Insured Person cannot be awakened and the activity of the brain as a whole is depressed.
keadaan tidak sedarkan diri berterusan selama lebih daripada tiga ratus enam puluh lima (365) hari dalam mana Orang Yang Diinsuranskan tidak dapat dikejutkan dan kegiatan otaknya secara keseluruhan adalah terbatas.
- HOSPITAL / HOSPITAL**
 - any lawfully registered and operating facility which:
sebarang kemudahan yang berdaftar dan beroperasi secara sah di sisi undang-undang yang:
 - has facilities for diagnosis and major surgery / **mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan penting**
 - provides (24) twenty four hours nursing services by registered graduate nurses
menyediakan khidmat jururawat (24) dua puluh empat jam sehari, disediakan oleh jururawat berdaftar yang berkelulusan
 - is under the supervision of one or more physicians at all time; and
berada di bawah penyeliaan seorang atau lebih doctor pada setiap masa; dan
 - shall not primarily be a clinic, a place for alcoholics or drug addicts, a nursing, rest or convalescent home or homes for the aged or similar establishment. **bukan sebuah klinik, tempat untuk penagih alkohol atau dadah, tempat atau rumah penjagaan, rehat atau pemulihan, atau rumah untuk orang tua, atau rumah sepertinya**
- INJURY / KECEDEeraan**
 - bodily injury to an Insured person caused solely by an accident and not by sickness, disease or gradual physical or mental deterioration. Successive medical treatment or hospitalisation due to the same and/or related causes shall be considered as one injury.
kecederaan badan Orang Yang Diinsuranskan yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan dan bukannya oleh kesakitan, penyakit atau keuzuran fizikal atau mental secara beransur. Rawatan perubatan atau kemasukan hospital berturut-turut disebabkan punca yang sama dan/atau yang berkaitan akan dianggap sebagai satu kecederaan.
- INSURED PERSON / ORANG YANG DIINSURANSKAN**
 - the person who has completed and/or whose spouse name is included on the Proposal and Declaration Form for this insurance and in respect of whom commencement of cover has been confirmed through an Official Cover Note issued by the Company's Authorised Representative. The insured shall not be less than 16 years of age nor more than 65 years of age.
orang yang telah mengisi dan/atau yang nama pasangannya disertakan dalam Borang Cadangan dan Perakuan untuk insurans ini dan perlindungan ke atasnya disahkan telah mula berkuatkuasa menerusi Nota Perlindungan Rasmi yang dikeluarkan oleh Wakil Syarikat Yang Sah. Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh berusia kurang daripada 16 tahun atau lebih daripada 65 tahun

6. **PERMANENT TOTAL DISABLEMENT / TOTAL DISABLEMENT / KEHILANGAN UPAYA PENUH DAN KEKAL** - total and permanent disablement which prevents the Insured Person totally and absolutely from engaging in any employment or occupation of any description within twelve calendar months after the accident and without any hope of improvement beyond the expiry of such period. The opinion of the Company's panel of physician(s) shall be final and conclusive.
kehilangan upaya penuh dan kekal yang secara menyeluruh dan sepenuhnya menghalang Orang Yang Diinsuranskan daripada menjalankan sebarang bentuk tugas atau pekerjaan dalam tempoh dua belas bulan kalendar selepas kemalangan tanpa sebarang harapan untuk pemulihan selepas tamat tempoh tersebut. Pendapat panel doktor (doktor-doktor) Syarikat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
7. **PHYSICIAN OR SURGEON / DOKTOR ATAU PAKAR BEDAH** - registered allopathic medical practitioner legally licensed to render medical and surgical services. Practitioners of traditional medicines are excluded.
pengamal perubatan alopatik berdaftar yang mempunyai lesen sah untuk memberikan perkhidmatan perubatan dan pembedahan. Pengamal perubatan tradisional adalah dikecualikan.
8. **POLICYHOLDER / PEMEGANG POLISI** - the person to whom the insurance contract is issued and who is responsible for payment of premiums and claims documentation.
orang yang dinamakan dalam kontrak insurans dan yang bertanggungjawab terhadap pembayaran premium dan penyediaan dokumen tuntutan.
9. **LICENSED COMMON CARRIER / PENGANGKUTAN AWAM BERLESEN** - a vehicle licensed for public conveyance and offering transport to any fare-paying passenger.
kenderaan yang dilisen sebagai pengangkutan awam dan menawarkan pengangkutan kepada penumpang yang membayar tambang.
10. **SPOUSE / PASANGAN** - the Policyholder's legal husband or wife who is not separated or divorced at the commencement of each period of the insurance cover or at the material time of accident. Should there be more than one legal spouse, only the spouse named in the Policy Schedule will be covered.
suami atau isteri sah Pemegang Polisi yang tidak berpisah atau bercerai dengannya pada permulaan setiap tempoh perlindungan insurans atau pada masa kemalangan berlaku. Jika terdapat lebih daripada satu pasangan yang sah, hanya pasangan yang dinamakan dalam Jadual Polisi akan dilindungi
11. **CHILD / ANAK** - any unmarried child of the Policyholder who is at least 3 years old and less than 18 years old or twenty three (23) years old, if completing tertiary studies, is eligible. Those insured under this category are entitled to only 50% of the applicable benefits. Benefits 1, 6 (i) & (ii), 9 and 10 are not applicable.
mana-mana anak Pemegang Polisi yang belum berkahwin yang berusia sekurang-kurangnya 3 tahun dan kurang daripada 18 tahun atau dua puluh tiga (23) tahun sekiranya sedang belajar di institusi pengajian tinggi, layak diinsuranskan. Mereka yang diinsuranskan di bawah kategori ini berhak untuk mendapat hanya 50% daripada faedah yang berkenaan. Faedah 1, 6 (i) & (ii), 9 dan 10 tidak berkenaan.
12. **PERIOD OF INSURANCE / TEMPOH INSURANS** - shall mean the period of cover of the Policy and shall be as specified in this Policy and/or in the Schedule.
hendaklah bermakna tempoh perlindungan Polisi dan adalah seperti yang ditetapkan dalam Polisi ini dan/atau Jadual.

TABLE OF BENEFITS PA 10 PLUS / JADUAL FAEDAH

SUMMARY OF BENEFITS / RINGKASAN FAEDAH

		PLAN A (RM) RANCANGAN A	PLAN B (RM) RANCANGAN B	PLAN C (RM) RANCANGAN C	PLAN D (RM) RANCANGAN D
1.	Double Indemnity / Ganti Rugi Berganda	50000	100000	200000	400000
2.	Accidental Death / Kematian Akibat Kemalangan	25000	50000	100000	200000
3.	Permanent Disablement / Kehilangan Upaya Kekal	25000	50000	100000	200000
4.	Medical Expenses (Accidental Only) / Perbelanjaan Perubatan (Kemalangan Sahaja) i) Hospital Outpatient Treatment (Excess RM50) / Rawatan Pesakit Luar Hospital (Lebihan RM50) and/or / dan/atau ii) Hospitalisation & Surgical Expenses / Perbelanjaan Kemasukan Hospital dan Pembedahan	300 500	500 1000	1000 2000	1500 3000
5.	Daily Hospital Income (100 days) (1 day excess) Pendapatan Harian Hospital (100 hari) (Lebihan 1 hari)	25	50	100	150
6.	i) Temporary Total Disablement per week / Kehilangan Upaya Penuh Sementara seminggu ii) Temporary Partial Disablement per week / Kehilangan Upaya Kekal seminggu	50 25	70 35	100 50	100 50
7.	Death whilst Overseas (Except Singapore, Brunei, Thailand) / Kematian semasa di luar Negara (Kecuali Singapura, Brunei, Thailand)	1500	2000	3000	5000
8.	Compassionate Death Allowance / Elaun Khairat Kematian	1000	1500	2000	3000
9.	Personal Liability* / Tanggungan Peribadi*	25000	50000	100000	200000
10.	Renewal Bonus / Bonus Pembaharuan	5% per year for the next 5 years 5% setahun bagi 5 tahun akan datang			

SCOPE OF COVER / SKOP PERLINDUNGAN

1. **DOUBLE INDEMNITY / GANTI RUGI BERGANDA**
In the event of an accident resulting in Death or Permanent Disablement whilst the Insured Person is travelling as a fare-paying passenger in any Licensed Common Carrier, the Company will pay to the Estate or the legal personal representative of the deceased Insured Person double the Principal Sum Insured (excluding any accumulated Renewal Bonus). For purposes of this extension, the Insured person is not entitled to this benefit if they travel as a fare paying passenger on a non-scheduled and/or chartered aircraft.
Sekiranya berlaku kemalangan yang menyebabkan kematian atau Kehilangan Upaya Penuh semasa orang Yang Diinsuranskan dalam perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang dalam sebarang Pengangkutan Awam Berlesen, Syarikat akan membayar kepada Harta Pusaka atau wakil peribadi yang sah di sisi undang-undang Orang Yang Diinsuranskan yang meninggal dunia, jumlah dua kali ganda Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan (tidak termasuk sebarang Bonus Pembaharuan Terkumpul). Untuk tujuan lanjutan perlindungan ini, Orang Yang Diinsuranskan tidak berhak menerima faedah ini jika mereka menaiki pesawat yang tidak dijadualkan dan/atau yang disewa khas sebagai penumpang yang membayar tambang.
2. **ACCIDENTAL DEATH / KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN**
If bodily injury sustained as a result of an accident shall, within 12 months from the date of the Accident, result in death, the Estate of the deceased Insured Person will receive a lump sum equivalent to the Accidental Death Benefit inclusive of any Renewal bonus accumulated as stated in the Schedule upon submission of all the relevant claim documents as required by the Company.
Jika kecederaan badan yang dialami akibat kemalangan menyebabkan kematian dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Kemalangan, Harta Pusaka Orang Yang Diinsuranskan yang meninggal dunia akan menerima bayaran sekaligus yang bersamaan dengan Faedah Kematian Akibat Kemalangan termasuk sebarang bonus Pembaharuan yang terkumpul seperti yang dinyatakan dalam Jadual, setelah segala dokumen tuntutan berkaitan yang diperlukan oleh Syarikat dikemukakan.
3. **PERMANENT DISABLEMENT / KEHILANGAN UPAYA KEKAL**
If bodily injury sustained as a result of an accident shall, within 12 months from the date of the accident, result in Permanent Disablement to the Insured Person, a lump sum Benefit in accordance to the Schedule of Benefits specified hereunder is payable to the Injured Person.
In the event of a claim under permanent disablement, the decision of the physicians shall be final and conclusive.
Jika kecederaan badan yang dialami akibat kemalangan menyebabkan Kehilangan Upaya Kekal Orang Yang Diinsuranskan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Kemalangan, bayaran Faedah sekaligus mengikut Jadual Faedah yang ditetapkan di bawah ini akan dibayar kepada Orang Yang Diinsuranskan. Sekiranya tuntutan dibuat di bawah kehilangan upaya kekal, keputusan panel doktor-doktor syarikat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.

SCHEDULE OF BENEFITS / JADUAL FEDAH

% of Capital Sum Insured
Peratusan Jumlah Besar

RESULTING IN:

Loss of two limbs		MENGAKIBATKAN: Kehilangan dua anggota	}	100%
Loss of both hands, or of all fingers and both thumbs		Kehilangan kedua-dua tangan, atau semua jari dan kedua-dua ibu jari		
Total loss of sight of both eyes		Kehilangan seluruh penglihatan kedua-dua belah mata		
Total paralysis		Lumpuh sepenuhnya		
Injuries resulting in being permanently bedridden		Kecederaan yang mengakibatkan terlantar atas katil secara kekal		
Any other injury causing permanent total disablement		Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan kehilangan upaya penuh dan kekal		
Loss of arm at shoulder		Kehilangan lengan pada paras bahu		
Loss of arm between shoulder and elbow		Kehilangan lengan antara bahu dan siku		
Loss of arm at elbow		Kehilangan lengan dari paras siku		
Loss of arm between elbow and wrist		Kehilangan lengan antara siku dan pergelangan tangan		
Loss of hand at wrist		Kehilangan tangan pada paras pergelangan tangan		
Loss of leg	- At hip	Kehilangan kaki	- pada paras pinggul	
	- Between knee and hip		- antara lutut dan pinggul	
	- Below knee		- bawah paras lutut	
Loss of sight, of one eye		Kehilangan penglihatan, sebelah mata		50%
Loss of lens of eyes		Kehilangan lensa mata		50%
Loss of four fingers and thumb of one hand		Kehilangan empat jari dan ibu jari sebelah tangan		50%
Loss of four fingers		Kehilangan empat jari		40%
Loss of thumb	- both phalanges	Kehilangan ibu jari	- kedua-dua falanks	25%
	- one phalanx		- satu falanks	10%
Loss of index finger	- three phalanges	Kehilangan jari telunjuk	- tiga falanks	10%
	- two phalanges		- dua falanks	8%
	- one phalanx		- satu falanks	4%
Loss of middle finger	- three phalanges	Kehilangan jari hantu	- tiga falanks	6%
	- two phalanges		- dua falanks	4%
	- one phalanx		- satu falanks	2%
Loss of ring finger	- three phalanges	Kehilangan jari manis	- tiga falanks	5%
	- two phalanges		- dua falanks	4%
	- one phalanx		- satu falanks	2%
Loss of little finger	- three phalanges	Kehilangan jari kelingking	- tiga falanks	4%
	- two phalanges		- dua falanks	3%
	- one phalanx		- satu falanks	2%
Loss of metacarpals	- first or second (additional)	Kehilangan metakarpus	- pertama atau kedua (tambahan)	3%
	- third, four or fifth (additional)		- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
Loss of toes	- all	Kehilangan jari kaki	- semua	15%
	- great, both phalanges		- ibu jari, kedua-dua falanks	5%
	- great, one phalanx		- ibu jari, satu falanks	2%
	- other than great, if more than one toe lost, each		- selain ibu jari, jika lebih satu jari, setiap satu	2%
Loss of hearing	- both ears	Kehilangan pendengaran	- kedua-dua telinga	75%
	- one ear		- sebelah telinga	15%
Loss of speech		Kehilangan upaya bertutur		50%
Shortening of leg:		Penyinkatan :		
leg	- at least 1"	Kaki	- sekurang-kurangnya	5%
	- more than 1" up to 2"		- lebih daripada 1" sehingga 2"	10%
	- more than 2" up to 4"		- lebih daripada 2" sehingga 4"	25%
	- more than 4"		- lebih daripada 4"	50%
arm	- at least 1"	Lengan	- sekurang-kurangnya 1"	2.5%
	- more than 1" up to 2"		- lebih daripada 1" sehingga 2"	5%
	- more than 2" up to 4"		- lebih daripada 2" sehingga 4"	12.5%
	- more than 4"		- lebih daripada 4"	25%

Any permanent disablement not specified above other than loss of sense of taste or smell:

Bagi sebarang kehilangan upaya kekal yang tidak dinyatakan di atas melainkan kehilangan deria rasa atau bau:

- such percentage to be assessed by Company in accordance with the opinion of the Company's panel of physicians, consistent with the percentages specified above and without regard to the Insured Person's employment or occupation.
peratusan yang berasaskan penilaian Syarikat mengikut pendapat panel doctor Syarikat, sesuai dengan peratusan-peratusan yang ditetapkan di atas dan tanpa mengambil kira jenis tugas atau pekerjaan Orang Yang Diinsuranskan.
- a) Comatose cases – The Company will pay the Principal Sum upon certification by a Medical Specialist that the Insured Person has been in a state.
Kes-kes koma – Syarikat akan membayar Jumlah Pokok setelah seorang Pakar Perubatan mengesahkan bahawa Orang Yang Diinsuranskan berada dalam keadaan tersebut.
- b) Shortening of leg – The measure for shortening of leg must be certified by Orthopaedic medical report.
Penyinkatan kaki – Ukuran kadar penyinkatan kaki mesti disahkan oleh laporan perubatan Ortopedik
- c) Permanent total loss of use of limb shall be treated as loss of limb. Loss of speech shall mean total permanent inability to communicate verbally.
Kehilangan upaya penuh dan kekal penggunaan anggota akan dianggap sebagai kehilangan anggota. Kehilangan upaya bertutur hendaklah bermakna kehilangan penuh dan kekal kemampuan berkomunikasi melalui pertututan.

The aggregate of all percentage payable in respect of any one accident shall not exceed (100%) one hundred percent. In the event of a total of (100%) one hundred percent having been paid. This Policy shall immediately cease to be in force. In the event of claims having paid for losses not exceeding (100%) one hundred percent, the coverage shall be reduced by the amount paid from the date of accident until the expiration of the Policy.

Agregat kesemua peratusan yang boleh dibayar bagi mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi (100%) seratus peratus. Sekiranya sejumlah (100%) seratus peratus sudah dibayar, Polisi ini dengan serta-merta tidak berkuatkuasa lagi. Sekiranya tuntutan sudah dibayar bagi kehilangan yang tidak melebihi (100%) seratus peratus, perlindungan akan dikurangkan sebanyak jumlah yang dibayar dari tarikh kemalangan sehingga tamat Polisi.

4. MEDICAL EXPENSES / PERBELANJAAN PERUBATAN

The Company will reimburse the Insured Person for the necessary and reasonable expenses incurred for:-

Syarikat akan membayar balik kepada Orang Yang Diinsuranskan perbelanjaan perlu dan wajar yang ditanggung untuk:

- (a) Hospital outpatient treatment. However, the first (RM50.00) Fifty Ringgit shall be borne by the Insured Person. The first expense must be incurred within 45 days following the date of accident, or failing which the expenses incurred thereafter are not reimbursable.
Rawatan pesakit luar hospital. Bagaimanapun, (RM50.00) lima puluh ringgit pertama hendaklah ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan. Perbelanjaan pertama mesti ditanggung dalam tempoh 45 hari selepas tarikh kemalangan, jika tidak perbelanjaan yang ditanggung selepas itu tidak akan dibayar balik.
- (b) The actual cost of hospitalisation subject to the limit set out in the schedule. Follow-up outpatient treatment within 31 days of discharge in respect of the same. Accident shall, subject to the limits set out in the schedule be reimbursable.
Perbelanjaan sebenar kemasukan hospital tertakluk kepada had yang ditetapkan dalam jadual. Rawatan susulan pesakit luar bagi kemalangan yang sama dalam masa 31 hari selepas keluar daripada hospital akan dibayar balik, tertakluk kepada had yang ditetapkan di dalam jadual.

5. DAILY HOSPITAL INCOME / PENDAPATAN HARIAN HOSPITAL

A daily cash allowance is payable for each day of hospitalisation as stated in the Benefits Schedule up to a maximum of 100 days per year subject to a one (1) day excess for each claim.

Elaun tunai harian akan dibayar bagi setiap penginapan di hospital seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah sehingga maksimum 100 hari setahun tertakluk kepada lebih satu (1) hari bagi setiap tuntutan.

6. (i) **TEMPORARY TOTAL DISABLEMENT** from engaging in or giving attention to the Insured's profession or occupation: Weekly Compensation at the rate stated in the schedule hereto shall be payable.
KEHILANGAN UPAYA PENUH SEMENTARA untuk melakukan atau memberi perhatian kepada profesion atau pekerjaan Pemegang Insurans: Pampasan Mingguan pada kadar yang dinyatakan dalam jadual akan dibayar.
- (ii) **TEMPORARY PARTIAL DISABLEMENT** from engaging in or giving attention to the Insured's profession or occupation: Weekly Compensation at the rate stated in the Schedule hereto shall be payable.
KEHILANGAN UPAYA SEBAHAGIAN SEMENTARA untuk melakukan atau memberi perhatian kepada profesion atau pekerjaan Pemegang Insurans: Pampasan Mingguan pada kadar yang dinyatakan dalam jadual akan dibayar.

Compensation under Benefits (i) or (ii) alternatively (i) & (ii) running consequently shall be payable on a weekly basis up to a maximum of 104 weeks calculated from the date the Insured was first examined by a duly qualified Medical Practitioner.

Pampasan di bawah Faedah (i) atau (ii) atau secara alternatif (i) & (ii) berturut-turut akan dibayar secara mingguan sehingga maksimum 104 minggu, dikira dari tarikh Orang Yang Diinsuranskan pertama kali diperiksa oleh Pengamal Perubatan yang berkeelayakan.

7. DEATH WHILST OVERSEAS / KEMATIAN SEMASA DI LUAR NEGARA

In the event of accidental death of the Insured Person whilst overseas the Company will reimburse the Estate and/or the legal personal representative of the deceased Insured Person the actual necessary and reasonable expenses for a return air ticket (economy class) incurred by a member of the Insured Person's immediate family, in having to travel to the place where the death occurred for the sole purpose of arranging for repatriation of the deceased's body. This benefit shall not be applicable to death occurring in Malaysia, Singapore, Brunei and Thailand.

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan Orang Yang Diinsuranskan semasa di luar Negara, Syarikat akan membayar balik kepada Harta Pusaka dan/atau wakil peribadi yang sah di sisi undang-undang Orang Yang Diinsuranskan yang meninggal dunia, perbelanjaan sebenar yang perlu dan wajar untuk tiket penerbangan pergi-balik (kelas ekonomi) yang ditanggung oleh anggota keluarga terdekat Orang Yang Diinsuranskan, kerana terpaksa pergi ke tempat kematian berlaku semata-mata untuk tujuan membawa pulang jenazah. Faedah ini tidak akan dibayar untuk kematian yang berlaku di Malaysia, Singapura, Brunei dan Thailand.

8. COMPASSIONATE DEATH ALLOWANCE / ELAUN KHAIRAT KEMATIAN

In the event of accidental death the Company will pay the amount specified in the Summary of Benefits to the Estate and/or the legal personal representative of the deceased Insured Person.

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, Syarikat akan membayar jumlah yang ditetapkan dalam Ringkasan Faedah kepada Harta Pusaka dan/atau wakil peribadi yang sah di sisi undang-undang Orang Yang Diinsuranskan yang meninggal dunia.

9. PERSONAL LIABILITY / TANGGUNGAN PERIBADI

In the event the Insured Person is legally liable to pay for compensation to a third party in respect of accidental bodily injury and loss of or accidental damage to property of any persons (unless excepted) anywhere in the world and which is first made in writing against the Insured (or any other party entitled to indemnity under this policy)

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan didapati bertanggungjawab di bawah undang-undang untuk membayar pampasan kepada pihak ketiga bagi kecederaan badan akibat kemalangan dan kerugian atau kerosakan akibat kemalangan kepada hartanah mana-mana orang (melainkan dikecualikan) di mana-mana tempat di dunia dan keputusan ini dibuat secara bertulis terhadap Orang Yang Diinsuranskan (atau mana-mana pihak lain yang berhak mendapat perlindungan kerugian di bawah polisi ini)

- (i) during / semasa
OR / ATAU
- (ii) within 30 days after expiry of the same period of insurance as defined in the Schedule of this policy.
dalam masa 30 hari selepas tamat tempoh insurans seperti yang ditetapkan dalam Jadual polisi ini.

The Company will subject to the limits set out in the Schedule pay all legal cost and expenses incurred with their written consent if the first instance proceeding are filed in the Malaysian courts and are subject to the Laws of Malaysia. For the avoidance of doubt, legal fees incurred will be included in the calculation of the said limit.

In the event of death of the Insured Person the Company will in respect of the liability incurred by the Insured Person indemnify the Insured Person's legal personal representatives in the terms of and subject to the limitations of this Section and the Schedule provided that such representatives shall as though they were the Insured Person observe fulfil and be subject to the terms conditions and exceptions of this section insofar as they can apply.

Syarikat akan, tertakluk kepada had-had yang ditetapkan dalam Jadual, membayar segala kos dan perbelanjaan guaman yang ditanggung dengan kebenaran bertulis Syarikat, jika prosiding asal dikemukakan di mahkamah Malaysia dan tertakluk kepada Undang-undang Malaysia. Untuk mengelakkan keraguan, yuran guaman yang ditanggung akan dimasukkan dalam pengiraan had tersebut.

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia, Syarikat akan melindungi kerugian wakil-wakil peribadi Orang Yang Diinsuranskan yang sah di sisi undang-undang terhadap liabiliti yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan mengikut peraturan-peraturan dan tertakluk kepada had-had seksyen ini dan Jadual, dengan syarat bahawa wakil-wakil peribadi sedemikian hendaklah bertindak seperti Orang Yang Diinsuranskan dan mematuhi, memenuhi dan tertakluk kepada peraturan-peraturan, syarat-syarat dan pengecualian-pengecualian seksyen ini, setakat mana yang berkenaan.

Territorial Limits / Had Wilayah

- (a) Malaysia and Singapore / **Malaysia dan Singapura**
- (b) Elsewhere in the World during temporary visits excluding United States of America, Canada and South American Countries.
Tempat lain di Dunia semasa kunjungan sementara, tidak termasuk Amerika Syarikat, Kanada dan Negara-negara Amerika Selatan.

SYARAT-SYARAT KHAS yang berkuatkuasa ke atas Seksyen Tanggungan Peribadi

a. The Insured shall exercise reasonable care and shall take all reasonable precautions to prevent accidents and shall comply with all statutes, regulations, by laws and/or rules.
Orang Yang Diinsuranskan hendaklah berjaga-jaga dengan sewajarnya dan mengambil segala langkah berwaspada yang munasabah untuk mencegah kemalangan dan hendaklah mematuhi segala kanun, peraturan, undang-undang kecil dan/atau syarat.

b. The Insured Person shall give notice to the Company of any injury loss or damage as soon as possible after it comes to the knowledge of the Insured Person or of the Insured Person's representatives for the time being. The Insured Person shall forward to the Company forthwith after receipt thereof every written notice of information as to any verbal notice of claim and shall also give written notice to the Company immediately upon becoming aware of or being informed of any proceeding. The Insured Person shall use his best endeavours to preserve any damaged or defective machinery or other appliances or things or records of such damage and defect which might prove necessary or useful by way of evidence in connection with any claim and so far as may be reasonably practicable no alteration or repair shall be made without the consent of the Company after any accident occurring in connection therewith until the Company shall have had an opportunity to inspect or to waive in writing such right to inspect. The Insured Person shall give all necessary information and all such assistance as the Company may deem necessary and forward all documents to enable the Insurers to investigate settle or resist any claim as the Insurers may think fit.

Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberikan notis kepada Syarikat mengenai sebarang kecederaan, kerugian atau kerosakan secepat mungkin selepas ia diketahui oleh Orang Yang Diinsuranskan atau wakilnya pada ketika itu. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menyerahkan kepada Syarikat, serta-merta selepas menerimanya, setiap notis makluman bertulis berkaitan dengan sebarang notis lisan mengenai tuntutan dan juga hendaklah memberikan notis bertulis kepada Syarikat sebaik sahaja mendapat tahu mengenai atau dimaklumkan tentang sebarang prosiding. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan sebarang mesin atau perkakas atau barang lain yang rosak atau cacat atau rekod mengenai kerosakan atau kecacatan tersebut yang mungkin diperlukan atau berguna sebagai bukti berhubung dengan sebarang tuntutan, dan sejauh yang boleh dan munasabah sebarang pengubahan atau pembaikan tidak boleh dibuat selepas berlaku sebarang kemalangan berhubung dengannya tanpa kebenaran Syarikat sehingga Syarikat telah diberikan peluang untuk memeriksanya atau memberikan pelepasan hak untuk memeriksanya secara bertulis. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberikan segala maklumat yang perlu dan segala bantuan yang mungkin diperlukan oleh Syarikat dan menyerahkan segala dokumen untuk membolehkan Syarikat Insurans menyasat, menyelesaikan atau menentang sebarang tuntutan seperti yang dianggap sesuai oleh Syarikat Insurans.

c. The Insured Person shall not incur any expense whether by litigation or otherwise or make any payment settlement arrangement or admission of liability in respect of any claim for which the Company may be liable under this Section without the written authority of the Company. The Company shall be entitled to use the name of the Insured Person for all purposes in connection with this Section including bringing defending enforcing or settling of legal proceedings for the benefit of the Company and the Insured Person shall provide to the Company all such assistance as the Company may deem necessary. In connection with any one claim or number of claims arising out of any one cause for indemnity against liability as defined in this Section the Company may at any time pay to the Insured the Limit of Liability (after deduction of any sum or sums already paid as compensation and/or legal fees) or say less amount for which such claim or claims can be settled and upon such payment being made the Company shall relinquish the conduct and control of and be under no further liability in respect of such claim except the payment of costs and expenses of litigation recoverable or incurred in respect of matters prior to the date of such payment and the Company shall not be responsible for any loss alleged to have been sustained by the Insured Person in consequent of any action or omission of the Company in connection with such claim or proceedings.

Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh menanggung apa-apa perbelanjaan, sama ada kerana tindakan undang-undang atau selainnya atau membuat sebarang pembayaran, penyelesaian atau persetujuan atau pengakuan tanggungan terhadap sebarang tuntutan untuk mana Syarikat mungkin bertanggungjawab di bawah Seksyen ini tanpa kebenaran bertulis Syarikat. Syarikat berhak untuk menggunakan nama Orang Yang Diinsuranskan untuk segala tujuan berhubung dengan Seksyen ini termasuk memulakan, menjalankan pembelaan, penguatkuasaan atau menyelesaikan prosiding undang-undang untuk faedah Syarikat, dan Orang Yang Diinsuranskan dikehendaki memberikan Syarikat segala bantuan yang mungkin diperlukan oleh Syarikat. Berhubung dengan mana-mana satu tuntutan atau beberapa tuntutan yang timbul daripada mana-mana satu sebab untuk ganti rugi terhadap tanggungan seperti ditafsirkan dalam Seksyen ini, Syarikat pada bila-bila masa boleh membayar kepada Orang Yang Diinsuranskan Had Jumlah Ganti Rugi (selepas menolak sebarang jumlah atau jumlah-jumlah yang sudah dibayar sebagai pampasan dan/atau yuran guaman) atau sebarang jumlah lebih kecil yang boleh dibayar untuk menyelesaikan tuntutan atau tuntutan-tuntutan sedemikian dan selepas pembayaran tersebut dibuat, Syarikat akan melepaskan pengendalian dan pengawalan dan tidak lagi mempunyai sebarang tanggungan terhadap tuntutan tersebut melainkan pembayaran kos dan perbelanjaan tindakan undang-undang yang boleh dituntut atau yang ditanggung bagi perkara-perkara yang berlaku sebelum tarikh pembayaran tersebut dan Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kerugian yang didakwa dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat sebarang tindakan atau kegagalan Syarikat untuk bertindak berkaitan dengan tuntutan atau prosiding tersebut.

d. If at the time any claim arises under this Section and there is any other existing insurance covering the same liability the Company shall not be liable to pay or contribute more than their ratable proportion of such claim.

Jika pada waktu sebarang tuntutan timbul di bawah Seksyen ini dan terdapat sebarang Insurans lain yang sedia ada yang melindungi tanggungan yang sama, Syarikat tidak akan bertanggungjawab membayar atau menyumbang lebih daripada bahagian bersekadar tuntutan tersebut.

e. While the Insured Person is driving any vehicle.
Semasa Orang Yang Diinsuranskan memandu sebarang kenderaan.

10. RENEWAL BONUS / BONUS PEMBAHARUAN

Provided no claim has been incurred under any session the Company agrees on each anniversary date of the policy, to grant a renewal bonus of (5%) five percent on the original sum insured for Accidental Death and Permanent Disablement Benefits upon renewal of the policy each year up to a maximum of five years and in total not more than (25%) twenty-five percent of the original sum insured. Written instruction must be received by the Company within (30) thirty days from each anniversary date. If renewal instruction is received after the stipulated (30) thirty days Accumulated renewal bonus shall not be applied if the Insured upgrades the policy / plans on renewal.

Pada setiap tarikh ulang tahun polisi, Syarikat bersetuju untuk memberikan, dengan syarat tiada sebarang tuntutan dibuat dibawah mana-mana seksyen, bonus pembaharuan sebanyak (5%) lima peratus ke atas jumlah asal yang diinsuranskan bagi Faedah Kematian Akibat Kemalangan dan Kehilangan Upaya Kekal apabila polisi di perbaharui setiap tahun sehingga maksimum lima tahun dan berjumlah tidak lebih daripada (25%) dua puluh lima peratus daripada jumlah asal yang diinsuranskan. Arahan bertulis mesti diterima oleh Syarikat dalam tempoh (30) hari dari tarikh ulang tahun. Jika arahan pembaharuan diterima selepas (30) hari yang ditetapkan Bonus pembaharuan terkumpul tidak akan berkuatkuasa jika Orang Yang Diinsuranskan meningkatkan polisi/rancangan pada waktu pembaharuan.

EXCLUSIONS / PENGECUALIAN

This Policy does not cover any claims directly or indirectly caused:

Polisi ini tidak melindungi sebarang tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan:

- (a) By war (whether declared or undeclared), act of foreign enemy, hostilities, civil war, rebellion, revolution, mutiny or usurped power, military or popular uprising, proclamation or maintenance of martial law or state of emergency, seizure, quarantine, or customs regulations or nationalisation by or under the order of any government or public or local authority.
Oleh peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), tindakan musuh asing, pertempuran, perang saudara, pemberontakan, revolusi, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa, kebangkitan tentera atau awam, pengisytiharan dan pengekalan undang-undang tentera atau keadaan darurat, rampasan, kuarantin atau peraturan kastam atau pemilikan negara oleh atau di bawah arahan mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan.
- (b) By provoked murder or provoked assault.
Oleh pembunuhan dan serangan yang disebabkan provokasi.
- (c) By insanity, suicide or any attempt thereof, intentional self-inflicted injury or any attempt thereof.
Oleh keadaan tidak siaman, membunuh diri atau sebarang percubaan berbuat demikian, sengaja mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan untuk melakukannya.
- (d) By pregnancy, childbirth, miscarriage, hernia or any complications thereof.
Oleh kehamilan, kelahiran anak, keguguran, hernia atau sebarang masalah yang timbul daripadanya.
- (e) While the driver of any vehicle occupied by the Insured Person is under influence of liquor or drugs (unless administered under the order of a qualified medical practitioner and which does not affect his ability to drive or ride)
Semasa memandu sebarang kenderaan yang dinaiki oleh Orang Yang Diinsuranskan berada di bawah pengaruh arak atau dadah (melainkan diberikan di bawah arahan pengamal perubatan yang sah dan yang tidak mempengaruhi keupayaannya untuk memandu atau menunggang)
- (f) Through HIV (Human Immunodeficiency Syndrome) and/or any HIV related illness including AIDS (Acquired Immune Deficiency Syndrome) or AIDS related Complex (ARC) howsoever caused any contagious disease and/or any mutant derivatives, variations or treatment thereof and/or all sexually transmitted diseases.
Memerusi HIV (Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia) dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) atau Masalah Berkaitan AIDS (ARC), tidak kira bagaimana ia disebabkan, sebarang penyakit berjangkit dan/atau sebarang derivatif akibat mutasi, variasi atau rawatannya dan/atau semua penyakit kelamin.
- (g) By ionising radiation or contamination by radioactivity from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. For the purpose of this exception combustion shall include any sustaining process of nuclear fission, and nuclear weapons materials.
Oleh radiasi pengionan atau pencemaran sinaran radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri dan bahan senjata nuklear.
- (h) Whilst committing or attempting to commit any unlawful act or while resisting arrest.
Semasa melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan yang melanggar undang-undang atau semasa menentang penangkapan.
- (i) Whilst travelling in an aircraft except as a fare-paying passenger in an aircraft licensed for passengers service. For the purpose of this exclusion the Insured Person would not be covered if (i) they are involved in any technical operation or navigation whilst in the aircraft, (ii) travelling as a fare-paying passenger on any non-scheduled and/or chartered aircraft. (iii) travelling in any military, police, quasi-military aircraft for whatsoever reason.
Semasa menaiki pesawat kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat yang mempunyai lesen perkhidmatan penumpang. Untuk tujuan pengecualian ini, Orang Yang Diinsuranskan tidak akan dilindungi jika (i) mereka terlibat dalam sebarang operasi teknikal atau pengemudian semasa berada dalam pesawat, (ii) mengembara sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat yang tidak dijadualkan dan/atau pesawat sewa khas, (iii) mengembara dalam sebarang pesawat tentera, polis, separa-tentera walau untuk apa tujuan sekali pun.
- (j) Whilst serving in the Police and Military Units of any Country or International Authority, fire brigade, uniformed security guards or of similar occupational hazards.
Semasa berkhidmat dalam Unit Polis dan Tentera mana-mana Negara atau Pihak Berkuasa Antarabangsa, bomba, pengawal keselamatan berpakaian seragam atau sebarang pekerjaan lain yang berbahaya.
- (k) Whilst engaging in racing of any kind (other than on foot).
Semasa mengambil bahagian dalam sebarang bentuk perlumbaan (melainkan menggunakan kaki).
- (l) Whilst engaging in hunting, mountaineering, ice-hockey, polo-playing, steeplechasing, winter sports, parasailing, hand-gliding, underwater activities involving the use of breathing apparatus, parachuting, any professional/semi-professional games/sports and any other hazardous activities/sports.
Semasa mengambil bahagian dalam kegiatan memburu, mendaki gunung, hoki ais, bermain polo, lumba berhalangan, sukan musin sejuk, meluncur payung terjun, meluncur udara, kegiatan bawah air melibatkan penggunaan alat pernafasan, payung terjun, sebarang permainan/sukan profesional/separuh-profesional dan sebarang kegiatan/sukan lain yang membahayakan.
- (m) By any existing physical infirmity or any degree of mental instability.
Oleh sebarang kelemahan fizikal yang sedia ada atau sebarang tahap ketidakstabilan mental.
- (n) By any tasks carried out by offshore and onshore workers, fisherman, seaman, timber and logging operation workers/drivers
Oleh sebarang tugas yang dijalankan oleh pekerja pantai dan pesisir pantai, nelayan, kelasi, pekerja/pemandu operasi pembalakan dan penebangan.
- (o) Whilst traveling in any vehicle, vessel or craft which is not duly licensed by the appropriate authority.
Semasa menaiki sebarang kenderaan, kapal atau pesawat yang tidak dilesen secara sah oleh pihak berkuasa berkenaan.

ADDITIONAL EXCEPTIONS applying to the Personal Liability Section

PENGECUALIAN TAMBAHAN YANG berkuatkuasa ke atas Seksyen Tanggungan Peribadi.

The Company shall not be liable in respect of:

Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap:

- (a) any liability directly or indirectly arising from / **sebarang tanggungan yang secara langsung atau tidak langsung timbul daripada:**
- (i) the ownership or occupation of any building other than the ownership or occupation by the Insured Person of a private dwelling.
pemilikan atau penghunian sebarang bangunan melainkan pemilikan atau penghunian kediaman peribadi oleh Orang Yang Diinsuranskan.
 - (ii) the pursuit or exercise by the Insured Person of any employment, business or profession.
usaha Orang Yang Diinsuranskan untuk melakukan atau menjalankan sebarang pekerjaan, perniagaan atau profesion.
 - (iii) the use of any animal used to carry a person, for hunting racing or steeplechasing.
penggunaan mana-mana binatang yang ditunggang untuk memburu, berlumba atau lumba berhalangan.
 - (iv) the use of vehicles (other than hand-propelled vehicles or pedal cycles not being used for racing) boats (sailing or mechanically-propelled aircraft or model aircraft owned by or in the custody or control of the Insured Person or his servants
penggunaan sebarang kenderaan (selain daripada kenderaan pacuan tangan atau basikal kayuh yang tidak digunakan untuk perlumbaan) bot (layar atau pacuan mekanikal), pesawat atau pesawat model yang dimiliki oleh atau di bawah penjagaan atau kawalan Orang Yang Diinsuranskan atau orang upahannya.
 - (v) the commission by the Insured Person of any unlawful act, attempt to commit an unlawful act or whilst enroute to or from the commission the attempt to commit an unlawful act.
perbuatan Orang Yang Diinsuranskan melakukan sebarang tindakan yang melanggar undang-undang, percubaan melakukan sebarang tindakan yang melanggar undang-undang atau semasa dalam perjalanan untuk melakukan atau selepas melakukan tindakan yang melanggar undang-undang.
- (b) Liability for bodily injury to a member of the Insured's family or to any person under a contract of service or apprenticeship with the Insured Person arising out of and/or in the course of employment of such person by the Insured Person.
Tanggungjawab terhadap kecederaan badan anggota keluarga Orang Yang Diinsuranskan atau mana-mana orang yang berkhidmat secara kontrak atau sebagai perantis dengan Orang Yang Diinsuranskan yang timbul daripada dan/atau berlaku semasa orang tersebut sedang menjalankan tugas untuk Orang Yang Diinsuranskan.
- (c) liability for loss of or damages to:
tanggungjawab terhadap kerugian atau kerosakan kepada:
- (i) Property belonging to or in the custody of the Insured.
Harta yang dimiliki oleh atau di bawah penjagaan atau kawalan Orang Yang Diinsuranskan.
 - (ii) Property belonging to or in the custody or control of any person in the service of the Insured.
Harta yang dimiliki oleh atau di bawah penjagaan atau kawalan mana-mana orang yang berkhidmat dengan Orang Yang Diinsuranskan.

WARRANTIES, ENDORSEMENT AND CLAUSES / WARANTI, PENGENDORSAN DAN FASAL

Notwithstanding anything contained herein to the contrary, it is hereby declared and agreed that the following warranties, endorsements and clauses not applicable unless specified in the schedule.
Walaupun apa pun yang terkandung di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa waranti-waranti, pengendorsan-pengendorsan dan fasal-fasal yang berikut tidak berkuatkuasa melainkan dinyatakan dalam jadual.

5P51 YACHTING / SCUBA DIVING / PELAYARAN / MENYELAM SKUBA

5P52 PROFESSIONAL SPORTS/GAMES / SUKAN/PERMAINAN PROFESIONAL

5P53 MARTIAL ART or SELF-DEFENCE (excluding competition) / SENI PERTEMPURAN ATAU SENI MEMPERTAHANKAN DIRI (tidak termasuk pertandingan)

5P54 HUNTING / MEMBURU

5P56 USE OF WOODWORKING MACHINERY DRIVEN BY MECHANICAL POWER / PENGGUNAAN MESIN PERTUKANGAN KAYU PACUAN KUASA MEKANIKAL

CONDITIONS / SYARAT-SYARAT

1. CONSTRUCTION / TAFSIRAN

This policy and the Schedule shall be read together as one contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this policy shall bear such meaning wherever it may appear.

Polisi ini dan Jadualnya hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau pernyataan yang disertakan dengan makna khusus dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual hendaklah membawa makna khusus yang sama di mana juga ia digunakan.

2. ALTERATION / PERUBAHAN

The policyholder shall give immediate notice in writing to the Company of any change in the Insured Person's occupation as stated in the Policy Schedule. In the event of the failure to notify, The Company may disclaim all liability for any loss or injury as a result of the increased risk.

Pemegang polisi hendaklah memberikan notis serta-merta secara bertulis kepada Syarikat mengenai sebarang perubahan dalam pekerjaan Orang Yang Diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual Polisi. Sekiranya notis gagal diberikan, Syarikat boleh menolak segala tanggungan bagi sebarang kerugian atau kecederaan akibat daripada peningkatan risiko.

3. CLAIM / TUNTUTAN

(a) Written notice must be given to the Company within (30) thirty days of any occurrence likely to give rise to a claim. Failure to give such notice will not invalidate the claim if it can be shown that such notice was given as soon as it is reasonably possible to do so.

Notis bertulis hendaklah diberikan kepada Syarikat dalam tempoh (30) hari selepas sebarang kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan. Kegagalan memberikan notis sedemikian tidak akan menjejaskan kesahihan tuntutan sekiranya dapat dibuktikan bahawa notis tersebut telah diberikan secepat mungkin yang boleh dan munasabah untuk berbuat demikian.

(b) In the event of an Accident, the Insured Person shall procure and act on proper Medical or Surgical advice from a Physician or Surgeon as soon as possible.

Sekiranya berlaku kemalangan, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mendapatkan dan bertindak atas nasihat Perubatan atau Pembedahan daripada Doktor atau Pakar Bedah dengan secepat mungkin.

(c) If the Policyholder or the Insured Person makes a fraudulent or exaggerated claim under this policy, or engages in any fraudulent activity as a means to obtain a benefit under this Policy, all benefits payable in respect of this policy shall be forfeited and the policy shall become void.

Sekiranya Pemegang Polisi atau Orang Yang Diinsuranskan membuat tuntutan palsu atau ditokok tambah di bawah polisi ini, atau terlibat dalam sebarang kegiatan penipuan dengan tujuan untuk mendapatkan faedah di bawah Polisi ini, segala faedah yang boleh dibayar di bawah polisi ini akan terbatal dan polisi ini akan menjadi tidak sah.

(d) Compensation in respect of the benefits provided under the policy shall be payable only when the claim has been proved to the satisfaction of the Company.

Pampasan bagi faedah-faedah yang diperuntukkan di bawah polisi ini hanya boleh dibayar apabila tuntutan telah dibuktikan dengan cara yang memuaskan Syarikat.

(e) The Insured Person or the legal personal representative is required to prove the claim by providing all the necessary documents as required by the Company. Any expense incurred for the purpose of proving the claim shall be borne by the Insured Person.

Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadinya yang sah di sisi - sisi undang-undang dikehendaki membuktikan tuntutan dengan menyediakan segala dokumen yang perlu seperti yang dikehendaki oleh Syarikat. Sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk tujuan membuktikan tuntutan hendaklah ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan.

The Company shall be entitled at its own expenses, to require that the Insured Person be examined by the Company's panel of physicians where the Company deems it necessary

Syarikat berhak, atas perbelanjaannya sendiri, untuk meminta Orang Yang Diinsuranskan diperiksa oleh panel doktor Syarikat pada bila-bila masa yang dianggap perlu oleh Syarikat.

4. DISCHARGE OF LIABILITY / PELEPASAN TANGGUNGAN

Any receipt of discharge which the Insured Person or his legal personal representative(s) grants to the Company in respect of a claim under this policy shall be deemed to be a complete and final discharge of all liabilities of the Company in respect of that claim.

Sebarang perakuan penerimaan atau pelepasan yang diberikan oleh Orang Yang Diinsuranskan atau wakil (wakil-wakil) peribadinya yang sah di sisi undang-undang kepada Syarikat terhadap tuntutan di bawah Polisi ini hendaklah dianggap sebagai pelepasan penuh dan muktamad segala tanggungan Syarikat terhadap tuntutan tersebut.

5. LOCAL JURISDICTION / BIDANG KUASA TEMPATAN

This policy is subject to the Laws of Malaysia and any provision of the policy which is in conflict is hereby amended to conform to the minimum requirement of such laws (or as amended from time to time)

Polisi ini tertakluk kepada Undang-Undang Malaysia dan sebarang peruntukan dalam polisi yang bercanggah dengannya adalah dengan ini dipinda untuk mematuhi keperluan minimum undang-undang tersebut (atau sebarang pindaan kepadanya yang dibuat dari masa ke semasa)

6. RENEWAL / PEMBAHARUAN

It shall not be incumbent on the Company to give notice that renewal is due.

The Company reserves the right to review the premium and scope of cover at any time prior to the renewal of the policy.

The Company shall not be bound to accept any renewal and the Policy shall not be renewable after the year of insurance in which the Insured Persons attains the age of 65 years. This policy is renewable at the option of the Company.

Bukanlah menjadi tanggungjawab Syarikat untuk memberikan notis mengenai tarikh pembaharuan

Syarikat berhak untuk menilai semula premium dan skop perlindungan pada bila-bila masa sebelum pembaharuan polisi.

Syarikat tidak akan terikat untuk menerima sebarang pembaharuan dan Polisi ini tidak boleh diperbaharui selepas tahun Insurans dalam mana Orang Yang Diinsuranskan mencapai usia 65 tahun. Polisi ini boleh diperbaharui atas pilihan Syarikat.

7. CANCELLATION / PEMBATALAN

The Company may by notice in writing send by registered post to the policyholder giving (14) fourteen days notice of their intention to terminate this policy returning a proportion of the premium corresponding to the unexpired Period of Insurance, subject to a minimum retained premium. By like notice to the Company. The Policyholder may at any time cancel this policy in which case the company will retain the premium for the time the policy has been in force or the minimum premium whichever is higher.

Syarikat boleh, melalui notis bertulis yang dihantar dengan surat berdaftar memberikan notis empat belas (14) hari mengenai hasratnya, membatalkan polisi ini dan memulangkan sebahagian daripada premium yang meliputi Tempoh Insurans belum lupus, tertakluk kepada Premium minimum yang akan disimpan. Menerusi notis yang serupa kepada Syarikat, Pemegang Polisi pada bila-bila masa boleh membatalkan Polisi ini, dan jika ini berlaku Syarikat akan menyimpan premium bagi tempoh polisi ini telah berkuatkuasa atau premium minimum, yang mana lebih tinggi.

8. DISPUTES / PERTIKAIAN

All differences arising out of this policy shall be referred to:

Segala percanggahan yang timbul daripada polisi ini hendaklah dirujuk kepada:

(a) The Insurance Mediation Bureau, Kuala Lumpur, within six months after the decision was made, if the amount claimed is RM100,000.00 and below.

Biro Pengantaraan Insurans, Kuala Lumpur, dalam tempoh enam bulan selepas keputusan dibuat, jika jumlah yang dituntut adalah RM100,000.00 dan ke bawah.

(b) Arbitration, if the amount claimed is above RM100,000.00 /

Penimbangtaraan, jika jumlah yang dituntut adalah melebihi RM100,000.00

ARBITRATION / PENIMBANGTARAAN

If any difference arises as to the amount of any loss or damage such difference shall independently of all other questions be referred to the decision of an Arbitrator, to be appointed in writing by the parties in difference, or, if they cannot agree upon a single Arbitrator, to the decision of two disinterested persons as Arbitrators, of whom one shall be appointed in writing by each of the parties within one (1) calendar month after having been required so to do in writing by the other party. In case either party shall refuse or fail to appoint an Arbitrator within one (1) calendar month after receipt of notice in writing requiring appointment, the other party shall be at liberty to appoint a sole Arbitrator; and in case of disagreement between the Arbitrators, the difference shall be referred to the decision of an Umpire who shall have been appointed by them in writing before entering on the reference, and who shall sit with the Arbitrators and preside at their meetings. The death of any party shall not revoke or affect the authority or powers of the Arbitrator, Arbitrators or Umpire respectively; and in the event of the death of an Arbitrator or Umpire, another shall in each case be appointed in his stead by the party or Arbitrators (as the case may be) by whom the Arbitrator or Umpire so dying was appointed. The costs of the reference and of the award shall be in the discretion of the Arbitrator, Arbitrators or Umpire making the award. And it is hereby expressly stipulated and declared that it shall be a condition precedent to any right of action or suit upon this policy that the award by such Arbitrator, Arbitrators or Umpire of the amount of the loss or damage if disputed shall be first obtained. In no case whatever shall the Company be liable for any loss or damage after the expiration of twelve (12) months from the happening of the loss or damage unless the claim is the subject of pending action or arbitration.

Jika timbul sebarang percanggahan mengenai jumlah sebarang kerugian atau kerosakkan, percanggahan tersebut secara asing daripada semua persoalan lain, hendaklah dirujuk untuk diputuskan oleh seorang Penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh kedua-dua pihak, atau jika mereka tidak bersetuju dengan perantukan seorang Penimbangtara, untuk diputuskan oleh dua orang yang berkecuali sebagai Penimbangtara yang setiap seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam tempoh satu (1) bulan kalendar selepas diperlukan berbuat demikian secara bertulis oleh pihak yang lain. Sekiranya mana-mana satu pihak enggan atau gagal untuk melantik seorang Penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan kalendar selepas menerima notis secara bertulis memerlukan perantukan tersebut, pihak yang lain berhak untuk melantik Penimbangtara tunggal; dan sekiranya kedua-dua Penimbangtara tidak boleh mencapai persetujuan, percanggahan itu hendaklah diputuskan oleh seorang Pengadil yang telah dilantik secara bertulis oleh kedua-dua Penimbangtara sebelum mula mendengar perkara yang dirujuk, dan yang akan bersidang bersama kedua-dua Penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat mereka. Kematian mana-mana pihak tidak akan membatalkan atau menjejaskan kedudukan atau kuasa Penimbangtara, Penimbangtara-Penimbangtara atau Pengadil; dan sekiranya seorang Penimbangtara atau Pengadil meninggal dunia, seorang pengganti hendaklah dilantik dalam setiap kes untuk mengambil tempatnya oleh pihak atau Penimbangtara-Penimbangtara (yang mana berkenaan) yang telah melantik Penimbangtara atau pengadil tersebut yang meninggal dunia. Kos-kos rujukan dan keputusan hendaklah diputuskan atas budi bicara Penimbangtara, Penimbangtara-Penimbangtara atau Pengadil yang membuat keputusan. Dan dengan ini adalah dipersetujui dan diisytiharkan secara khusus bahawa keputusan oleh Penimbangtara, Penimbangtara-Penimbangtara atau Pengadil mengenai jumlah kerugian atau kerosakkan sekiranya dipertikaikan, hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebagai syarat sebelum sesiapa berhak untuk mengambil tindakan atau mengemukakan saman ke atas Polisi ini. Dalam keadaan apa pun, Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakkan selepas tamat tempoh dua belas (12) bulan dari terikh berlakunya kerugian atau kerosakkan tersebut melainkan tuntutan tersebut masih menunggu tindakan mahkamah atau penimbangtaraan.

9. PREMIUM WARRANTY / WARANTI PREMIUM

It is fundamental and absolute special condition of this contract of insurance that the premium due must be paid and received by the Company within sixty (60) days from the inception date of this Policy/Endorsement/Renewal Certificate.

If this condition is not complied with then this Contract is automatically cancelled and the Company shall be entitled to the pro-rata premium for the period they have been on risk.

Where the premium payable pursuant to this warranty is received by an authorised agent of the Company, the payment shall be deemed to be received by the Company for the purposes of this warranty and the onus of proving that the premium payable was received by a person, including an insurance agent, who was not authorised to receive such premium shall lie on the Company.

Adalah menjadi syarat khas asasi dan mutlak kepada kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh berkuatkuasanya Polisi / Pengendorsan / Sijil Pembaharuan ini.

Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan Syarikat berhak untuk mengenakan bayaran premium secara pro rata bagi tempoh mereka menanggung risiko. Di mana premium yang perlu dibayar di bawah waranti ini diterima oleh ejen Syarikat yang bertauliah, bayaran tersebut hendaklah dianggap sebagai diterima oleh Syarikat, untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab membuktikan bahawa premium yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk Ejen Insurans yang tidak bertauliah untuk menerima premium tersebut, terletak pada pihak Syarikat.

10. CONDITION PRECEDENT CLAUSE / FASAL SYARAT SEBELUM TANGGUGAN DITERIMA

The due observance and fulfillment of the Terms, Provisions, Conditions, Clause and Endorsement of this Policy, in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Insured (or the Insured's legal personal representatives) shall be condition precedent to any liability of the Company to make any payment under the Policy. Failure to comply with any of the terms, provisions and conditions in this Policy shall invalidate all claims hereunder.

Adalah menjadi syarat sebelum Syarikat menerima sebarang tanggungan untuk membuat pembayaran di bawah insurans ini, Orang Yang Diinsuranskan (atau wakil Orang Yang Diinsuranskan yang sah di sisi undang-undang) hendaklah mematuhi dan memenuhi Peraturan-Peraturan, Peruntukan-Peruntukan, Syarat-Syarat, Fasal dan Pengendorsan Polisi ini setakat mana yang boleh dilakukan atau dipatuhi. Kegagalan untuk mematuhi mana-mana peraturan, peruntukan dan syarat-syarat Polisi ini akan membatalkan semua tuntutan di bawah ini.

11. DUTY OF DISCLOSURE / KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Where you have applied for this Insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you had a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) i.e. you should have answered the questions fully and accurately. Failure to have taken reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance in accordance with the remedies in Schedule 9 of the Financial Services Act 2013. You were also required to disclose any other matter that you knew to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan anda, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganjaran, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

IMPORTANT / PENTING

This Policy with its terms and conditions should be studied carefully and in the event of any correction being found necessary, should be communicated to the Company at once. Notice of every accident whether a claim is anticipated or not under this policy should be given immediately to the nearest office of the Company.

Polisi ini dengan peraturan-peraturan dan syarat-syaratnya hendaklah dibaca dengan teliti dan sekiranya terdapat sebarang pembetulan yang perlu dibuat, ia hendaklah dimaklumkan dengan serta-merta kepada Syarikat. Notis mengenai setiap kemalangan, sama ada tuntutan mungkin dibuat atau tidak di bawah polisi ini hendaklah diberikan dengan serta-merta kepada pejabat Syarikat yang terdekat.

Disputes can be referred to: Ombudsman for Financial Services (OFS) (Formerly known as Financial Mediation Bureau) Tel No : 03-2272 2811
Sebarang pertikaian boleh dirujuk kepada: Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) (Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) Tel No : 03-2272 2811